

## Penyeliaan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah-Sekolah Kebangsaan Di Daerah Kota Tinggi, Johor

Hamdan Bin Said & Nurlia Binti Mohamad  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak** : Kajian diskritif ini bertujuan untuk meninjau penyeliaan pengajaran di sekolah-sekolah kebangsaan di daerah Kota Tinggi, Johor. Secara khusus kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tanggapan guru-guru terhadap penyeliaan pengajaran yang dilaksanakan di sekolah; mengenalpasti amalan penyeliaan pengajaran yang dijalankan di sekolah; dan mengenalpasti implikasi amalan penyeliaan pengajaran terhadap profesionalisme guru dari segi peningkatan kualiti pengajaran, perkukuhan hubungan profesionalisme, perkongsian pengalaman dan pengetahuan, dan bantuan kepada guru dalam proses pengajaran. Sampel kajian melibatkan 321 orang guru dari sekolah-sekolah kebangsaan di daerah Kota Tinggi Johor. Soal selidik yang diubahsuai dari kajian terdahulu digunakan sebagai instrumen kajian. Data dianalisis menggunakan perisian *SPSS* dan hasil analisis dilaporkan dalam bentuk statistik diskriptif. Kebolehpercayaan instrument menggunakan *Alpha Cronbach* ialah 0.914 bagi bahagian B dan 0.889 bagi Bahagian C. Hasil kajian menunjukkan bahawa guru-guru mempunyai tanggapan yang positif terhadap penyeliaan pengajaran yang dilaksanakan di sekolah-sekolah; amalan penyeliaan pengajaran yang dijalankan di sekolah adalah tinggi; dan penyeliaan pengajaran yang diamalkan berkesan dalam meningkatkan profesionalisme guru dari segi kualiti guru, perkongsian pengalaman dan pengetahuan dalam kalangan guru, dan membantu guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sebaliknya penyeliaan pengajaran ini didapati kurang berkesan dalam memperkukuhkan hubungan profesionalisme antara penyelia dan guru.

*Katakunci* : penyeliaan pengajaran, pembelajaran, sekolah kebangsaan

### Pengenalan

Sekolah yang cemerlang lahir dari pengurusan dan kepimpinan yang berkesan. Peranan yang dimainkan oleh pengetua dan guru besar sangat penting bagi menjadikan sekolah mereka sebuah institusi pembelajaran yang berkesan. Dengan keupayaan mereka menggembeling seluruh tenaga guru dan pelajar diyakini matlamat menjadikan sekolah mereka sekolah cemerlang akan tercapai. Tumpuan pengurusan sekolah kepada usaha untuk meningkatkan tahap kecemerlangan akademik akan membolehkan guru-guru melaksanakan tugas pengajaran dan pembelajaran mereka dengan lebih yakin, teratur dan berkesan. Keberkesanan pengajaran guru perlu ditingkatkan dalam usaha untuk menjadikan sekolah sebagai sebuah pusat kecemerlangan iaitu tempat penyebaran ilmu pengetahuan dan penyampaian pelbagai jenis kemahiran serta pembentukan keperibadian pelajar.

Dalam pengurusan kurikulum, penyeliaan adalah penting dalam memantau keberkesanan pengajaran di sesebuah sekolah. Penyeliaan oleh pihak pengurusan sekolah amat perlu dalam memastikan kecemerlangan kerja guru secara berterusan. Penyeliaan akan dapat membantu guru menyelaraskan aktiviti pengajaran dan merangsang guru untuk mencapai prestasi kerja yang cemerlang serta dapat memperkembangkan potensi diri dan mengatasi sebarang kekurangan sekiranya ada. Menurut Aminuddin (2005), penyeliaan oleh guru besar dapat membantu guru meningkatkan mutu pengajaran supaya menjadi bertambah berkesan. Menurutnya lagi, dengan penyeliaan, guru besar dapat melihat dengan lebih dekat lagi apa yang sebenarnya berlaku dalam bilik darjah agar kelemahan dapat diperbaiki dan amalanamalan yang baik dapat dikukuhkan.

Tugas dan tanggungjawab guru di sekolah atau di bilik darjah ialah mengajar dan mendidik pelajar secara serius sehingga pelajar tersebut dapat menguasai kemahiran atau ilmu yang diajarkannya. Pengajaran yang berkesan akan dapat membantu pelajar memperkembangkan intelek, sosial dan personal dengan baik. Setiap guru mesti merancang pengajarannya supaya tersusun dan berfokus. Pemilihan tajuk dan isi pelajaran mestilah sesuai supaya dapat disampaikan kepada murid dengan berkesan. Objektif pengajarannya guru mesti mudah difahami dan jelas hala tuju yang hendak dicapai. Di samping itu, guru tersebut perlu menentukan bahan bantu mengajar (BBM) yang sesuai dan menarik bagi mewujudkan rangsangan kepada murid untuk belajar.

### **Pernyataan Masalah**

Ketidakhahaman tentang proses dan konsep penyeliaan akan menyebabkan penyeliaan diberikan tanggapan yang negatif oleh guru-guru dan dilihat sebagai helah untuk mencari salah. Jika ini berlaku maka peranan guru besar sebagai pemimpin pengajaran juga diragui dan dipersoalkan. Kekeliruan ini ditambah lagi berikutan ada guru besar yang mendelegasikan fungsi menyelia kepada guru penolong kanan yang juga diragui kemahiran dan kebolehan mereka di dalam penyeliaan pengajaran. Berikutan dengan tindakan konsep dan amalan penyeliaan sudah tergelincir dari konsep asasnya.

Kajian ini bertujuan untuk melihat tanggapan guru terhadap penyeliaan pengajaran dan amalan pelaksanaan penyeliaan dalam kalangan guru di sekolah-sekolah kebangsaan di daerah Kota Tinggi, Johor. Kajian ini juga turut meninjau keberkesanan penyeliaan dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan profesionalisme guru-guru di sekolah-sekolah kebangsaan di Kota Tinggi, Johor.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk :

- i) Menenalpasti tanggapan guru-guru terhadap penyeliaan pengajaran yang dilaksanakan di sekolah.
- ii) Menenalpasti amalan penyeliaan pengajaran yang dijalankan di sekolah.
- iii) Menenalpasti keberkesanan amalan penyeliaan pengajaran terhadap tahap profesionalisme guru.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting untuk menjawab persoalan di atas dan seterusnya menjadi panduan kepada guru dan guru besar sekolah.

- i. Hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada guru besar dalam mengadaptasikan fungsi penyeliaan pengajaran yang sebenar.
- ii. Kajian diharap dapat dijadikan panduan untuk guru-guru memahami proses penyeliaan pengajaran yang dipertanggungjawabkan kepada guru besar dan pengetua. Dengan cara sedemikian diharapkan dapat mengikis tanggapan negatif terhadap penyeliaan yang dilakukan oleh guru besar. Di samping itu, memperkukuhkan hubungan profesionalisme antara guru besar dan guru.
- iii. Dapatan kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan oleh guru besar untuk melaksanakan penyeliaan pengajaran ke arah pengurusan sekolah berkesan serta dapat memperbaiki kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam proses penyeliaan pengajaran yang telah dijalankan.

- iv. Diharap melalui kajian ini, pandangan sebenar guru terhadap penyeliaan pengajaran diperolehi. Hasil maklum balas ini boleh dijadikan rujukan untuk meningkatkan kualiti pengajaran pada masa akan datang dan seterusnya menyediakan langkah-langkah terbaik untuk mengubah pandangan negative guru terhadap penyeliaan.

### **Rekabentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan diskriptif bagi menerangkan tentang amalan penyeliaan di sekolah. Kaedah ini dibuat untuk melihat tanggapan guru-guru, amalan penyeliaan pengajaran dan keberkesanan amalan penyeliaan pengajaran terhadap tahap profesionalisme guru dalam aspek kualiti pengajaran, hubungan profesionalisme, perkongsian pengetahuan dan pengalaman dan bantuan dalam proses pengajaran. Kajian ini adalah satu tinjauan yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Data dikumpul menggunakan kaedah kuantitatif. Data-data diperolehi melalui teknik soal selidik yang diedarkan kepada guru-guru sekolah yang dipilih.

### **Populasi dan Persampelan**

Kajian ini dibuat dengan melibatkan guru-guru dari sekolah-sekolah kebangsaan dalam daerah Kota Tinggi Johor. Terdapat 56 buah sekolah kebangsaan di daerah Kota Tinggi dan pengkaji memilih sekolah secara rawak mudah. Ini dilakukan dengan berpandukan kepada senarai nama sekolah yang terdapat dalam buku panduan telefon yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Pelajaran Negeri Johor. Pengkaji memilih sekolah bermula dengan sekolah pertama dalam senarai dan diselangkan tiga sekolah berikutnya secara berturutan yang mana melibatkan 15 buah sekolah.

Data statistik guru sekolah-sekolah kebangsaan daerah Kota Tinggi yang diperolehi dari Pejabat Pelajaran Daerah Kota Tinggi bagi tahun 2008 ialah seramai 1460 orang. Berdasarkan Jadual Krejcie dan Morgan (1970), saiz sampel yang diperlukan untuk menjawab soal selidik ialah seramai 302 hingga 306 orang guru. Pemilihan sampel akan ditentukan oleh guru besar sekolah-sekolah yang terlibat dengan mengambilkira guru-guru yang telah berkhidmat lebih 2 tahun dan pernah diselia oleh guru besar. Pengkaji menyediakan sebanyak 350 set borang soal selidik yang dihantar ke sekolah-sekolah yang terlibat melalui dan dengan kebenaran guru besar sekolah berkenaan dengan memasukkan ke dalam peti surat sekolah yang ada di Pejabat Pelajaran Daerah Kota Tinggi. Bagi memudahkan responden mengembalikan soal selidik yang telah dilengkapkan, sebuah sampul surat besar disediakan untuk mengisi semua borang soal selidik. Kesemua borang soal selidik yang dipulangkan diminta dimasukkan semula ke dalam peti surat sekolah di Pejabat Pelajaran Daerah Kota Tinggi dalam tempoh dua minggu selepas soal selidik dihantar ke setiap sekolah berkenaan.

### **Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. . Instrumen ini diubahsuai oleh pengkaji daripada kajian yang dibuat oleh Mohd Ruzi bin Muhammad Shafie (2001) dari Universiti Teknologi Malaysia yang bertajuk 'Persepsi Guru Terhadap Pencerapan Pengajaran di Lima Buah Sekolah Daerah Johor Bahru'. Instrumen ini kemudiannya dimurnikan lagi dengan mengadakan perbincangan bersama 4 orang rakan seperjuangan yang melaksanakan kajian yang sama di lokasi yang berbeza. Soal selidik ini bertujuan mengumpul maklumat tentang tanggapan guru-guru terhadap penyeliaan pengajaran, tahap amalan penyeliaan pengajaran di sekolah dan keberkesanan amalan penyeliaan pengajaran terhadap peningkatan profesionalisme guru dari

segi kualiti pengajaran, hubungan profesional, perkongsian pengetahuan dan pengalaman dan bantuan dalam proses pengajaran. Soal selidik kajian ini mengandungi 44 item dan dibahagikan kepada tiga bahagian seperti berikut:

**Bahagian A : Latar Belakang Responden**

Bahagian ini mengandungi 5 item berkaitan dengan latar belakang responden kajian. Bahagian ini mengandungi jantina, bangsa, kelulusan akademik tertinggi, pengalaman mengajar dan kekerapan responden diselia. Responden perlu menandakan pilihan jawapan daripada cadangan jawapan yang disediakan.

**Bahagian B : Tanggapan Guru Terhadap Penyeliaan dan Amalan Penyeliaan.**

Bahagian ini menyenaraikan soalan-soalan yang bertujuan untuk meninjau tanggapan guru terhadap penyeliaan pengajaran yang telah mereka lalui dan mengenalpasti tahap amalan penyeliaan pengajaran yang dijalankan di sekolah. Ia mengandungi 18 item yang menggunakan Skala Likert berdasarkan lima tahap persetujuan iaitu:

- 1 = Sangat tidak setuju
- 2 = Tidak setuju
- 3 = Kurang setuju
- 4 = Setuju
- 5 = Sangat setuju

Soalan berbentuk Skala Likert digunakan untuk mendapatkan darjah persetujuan responden terhadap soalan yang diajukan. Skala Likert 5 mata dipilih berdasarkan kepada kematangan dan kesesuaian dengan tahap intelek responden yang dipikirkan. Di samping itu Skala Likert mempunyai darjah kebolehppercayaan yang lebih tinggi serta memudahkan pengkaji untuk menganalisa data yang diperolehi.

Item di dalam Bahagian B adalah dikemukakan untuk memungut sebahagian daripada data kajian ini. Responden dikehendaki menjawab soalan kajian tentang aspek-aspek berikut:

Bahagian ini mengandungi sebanyak 18 item dari bahagian B yang meninjau tanggapan dan amalan guru terhadap penyeliaan pengajaran yang dilakukan oleh guru besar terhadap guru-guru. Dalam kajian ini pengkaji melihat dari tiga aspek utama seperti berikut:

**Jadual 1 : Taburan Item Dari Aspek Tanggapan Guru Terhadap Penyeliaan Pengajaran**

	KAJIAN DARI ASPEK TANGGAPAN	NO. ITEM	JUMLAH ITEM
1.	Keperluan atau kepentingan penyeliaan	1, 3, 7, 15, 18	5
2.	Penyeliaan sebagai penilaian	9, 12, 14	3

Seterusnya bagi meninjau amalan guru terhadap penyeliaan pengajaran, dua aspek dikaji oleh pengkaji seperti berikut:

**Jadual 2 : Taburan Item dari Aspek Amalan Guru Terhadap Penyeliaan Pengajaran**

	KAJIAN DARI ASPEK AMALAN	NO. ITEM	JUMLAH ITEM
1	Aktiviti rutin	5,11, 17	3
2	Kepentingan	2, 4, 6, 8, 10, 13, 16	7

### **Bahagian C : Keberkesanan Penyeliaan Pengajaran**

Bahagian ini mengandungi sebanyak 21 item yang meninjau keberkesanan penyeliaan pengajaran yang dilakukan oleh guru besar terhadap guru-guru. Dalam kajian ini pengkaji melihat dari empat aspek utama seperti berikut:

**Jadual 3 : Taburan Item dari Aspek Kajian Keberkesanan Penyeliaan Pengajaran.**

	KAJIAN DARI ASPEK KEBERKESANAN	NO. ITEM	JUMLAH ITEM
1.	Meningkatkan kualiti pengajaran guru	1, 5, 11, 15, 19	5
2.	Memperkukuhkan hubungan profesionalisme	2, 8, 12, 16, 20	5
3.	Berkongsi pengalaman dan pengetahuan	3, 6, 9, 13, 17	5
4.	Membantu guru dalam proses pengajaran	4, 7, 10, 14, 18, 21	6

### **Kajian Rintis**

Kebolehpercayaan soal selidik ini ditentukan melalui satu kajian rintis yang dijalankan dengan melibatkan 25 responden dari kalangan guru-guru dari sebuah sekolah kebangsaan di daerah Kota Tinggi. Sekolah ini tidak terlibat dalam kajian sebenar. Analisa data dilaksanakan dengan menggunakan aplikasi *SPSS 15.0 for Window*. Nilai analisa *Apha Cronbach* bagi bahagian B adalah 0.914 manakala bagi bahagian C adalah 0.889. Nilai-nilai yang diperolehi ini menunjukkan kebolehpercayaan instrumen adalah tinggi.

### **Analisis Data**

Bab ini telah menjelaskan latarbelakang responden kajian dan membentangkan dapatan kajian. Bagi persoalan kajian pertama berhubung dengan tanggapan guru-guru terhadap penyeliaan pengajaran yang dilaksanakan, aspek-aspek penyeliaan adalah perlu dan penting dan pendapat dan kepercayaan menunjukkan secara keseluruhan didapati bahawa responden mempunyai tanggapan yang positif. Responden membuat tanggapan yang negatif dalam aspek penyeliaan adalah merupakan satu bentuk penilaian. Walau bagaimanapun min keseluruhan bagi ketiga-tiga aspek ialah 3.95 menunjukkan tanggapan guru terhadap penyeliaan pengajaran secara keseluruhan adalah positif

Bagi menjawab persoalan kajian yang kedua berhubung dengan amalan penyeliaan pengajaran yang dijalankan di sekolah, min keseluruhan ialah 4.16. Ini menunjukkan amalan

penyelidikan pengajaran adalah tinggi. Kedua-dua aspek iaitu amalan penyelidikan adalah penting dan amalan penyelidikan adalah satu aktiviti rutin menunjukkan min berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.16 dan 4.26.

Seterusnya bagi persoalan kajian ketiga, aspek-aspek meningkatkan kualiti guru, berkongsi pengalaman dan pengetahuan dan aspek membantu guru dalam proses pengajaran menunjukkan amalan penyelidikan pengajaran berkesan dalam meningkatkan profesionalisme guru. Walau bagaimanapun dapatan kajian menunjukkan amalan penyelidikan pengajaran kurang berkesan dalam memperkukuh hubungan profesionalisme antara penyelia dengan guru.

Rumusan dapatan kajian mengenai ketiga-tiga persoalan kajian dirumuskan sebagaimana di dalam jadual 4.

**Jadual 4 : Rumusan Keseluruhan Analisis**

Bil.	Persoalan Kajian	Min	Tahap
1.	Apakah tanggapan guru-guru terhadap penyelidikan pengajaran yang dilaksanakan di dalam kelas?	3.96	Positif
	i) Keperluan atau kepentingan Penyelidikan	4.22	Positif
	ii) Penyelidikan Hanya sebagai Satu Penilaian	3.71	Sederhana positif
2.	Apakah amalan penyelidikan pengajaran yang dijalankan di sekolah?	4.13	Tinggi
	i) Keperluan atau Kepentingan Penyelidikan	4.06	Tinggi
	ii) Penyelidikan Sebagai Aktiviti Rutin	4.19	Tinggi
3.	Apakah amalan penyelidikan pengajaran dapat meningkatkan profesionalisme guru?		
	i) Meningkatkan kualiti pengajaran guru	4.09	Berkesan
	ii) Memperkukuh hubungan profesionalisme	3.78	Kurang berkesan
	iii) Berkongsi pengalaman dan pengetahuan	3.96	Berkesan
	iv) Membantu guru dalam proses pengajaran	4.01	Berkesan

## **Perbincangan**

Hasil kajian mendapati bahawa dalam aspek tanggapan guru-guru terhadap penyeliaan pengajaran yang dilaksanakan di dalam kelas secara keseluruhannya adalah positif dari aspek keperluan dan kepentingannya.

Kajian mendapati 89.5% responden bersetuju penyeliaan dijalankan terhadap semua guru. Ini bertentangan dengan hasil kajian yang dibuat oleh Nazaruddin (1992) dalam Subaidah (2001) yang melaporkan bahawa, guru sekolah menengah dan rendah yang terlibat dalam kajiannya mempunyai tanggapan bahawa penyeliaan pengajaran dan pembelajaran tidak wajar dilakukan. Dapatan ini juga menyangkal satu kajian yang dijalankan di Selangor dalam Abdul Rahman (1987), yang menyatakan dalam laporan akhbar pada tahun tersebut, guru-guru melalui persatuan keguruan membuat bantahan ke atas cadangan Kementerian Pendidikan Malaysia pada masa itu yang mengarahkan pengetua dan guru besar melakukan penyeliaan ke atas semua guru kerana beranggapan tindakan itu tidak profesional dan meniadakan kebolehan mereka.

Hasil kajian juga mendapati 92.5% responden bersetuju bahawa penyeliaan perlu dilakukan untuk kecemerlangan akademik murid. Ini menunjukkan bahawa guruguru mempunyai tanggapan bahawa penyeliaan perlu dilakukan terhadap semua guru bagi memastikan kecemerlangan akademik murid. Ini disokong dengan pendapat Alimuddin (2006) yang menyatakan bahawa perbincangan dan pertukaran idea tentang kaedah dan teknik pengajaran yang berkesan boleh membawa kepada peningkatan prestasi pelajar-pelajar di bilik darjah.

Objektif kajian yang kedua dalam kajian ini adalah untuk mengenalpasti amalan penyeliaan pengajaran yang dijalankan di sekolah.

10 item dikemukakan berhubung dengan objektif ini. Ianya dilihat dari dua aspek iaitu dari sudut kepentingannya dan tanggapan bahawa amalan penyeliaan pengajaran tersebut hanyalah merupakan aktiviti rutin. Dapatan kajian menunjukkan bahawa min keseluruhan bagi persoalan ini adalah 4.13 yang mana menunjukkan tahap amalan penyeliaan pengajaran adalah tinggi.

Kajian mendapati min tertinggi yang diperolehi adalah bagi pernyataan item 11 yang dipersetujui oleh 93.1% responden diikuti dengan 92.9% responden bersetuju dengan item 17 iaitu penyelia memberi salinan borang markah kepada guru selepas selesai sesi penyeliaan. Ini menunjukkan bahawa ini responden membuat tanggapan ini adalah merupakan amalan yang rutin dan menunjukkan tahap yang tinggi. Ianya jelas berlaku di sekolah-sekolah kajian. Walau bagaimanapun ini sebenarnya bukanlah aktiviti rutin sebagaimana yang dipersetujui oleh responden kajian. Dalam melaksanakan penyeliaan terutama untuk melaksanakan penyeliaan klinikal, Mohd Salleh (2000) menegaskan bahawa pengetua tidak seharusnya melengahkan laporan berhubung dengan penyeliaan pengajaran di kelas. Tanggapan guru terhadap pengetua mungkin akan terjejas sekiranya laporan penyeliaan tidak disiapkan secepat mungkin. Laporan ini seharusnya disiapkan dalam tempoh 24 jam selepas penyeliaan dilakukan.

Kajian yang dijalankan adalah untuk melihat keberkesanan pelaksanaan penyeliaan dalam meningkatkan kualiti pengajaran guru. 5 item dikemukakan berhubung dengan kualiti pengajaran guru. Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan penyeliaan pengajaran yang dijalankan di sekolah berkesan terhadap peningkatan kualiti pengajaran guru. Ini dapat dibuktikan berdasarkan nilai min yang tinggi diperolehi bagi kesemua item iaitu antara 3.87 hingga 4.22. Peratusan guru-guru yang tidak bersetuju dengan item yang dikemukakan adalah kecil iaitu antara 0.3% hingga 3.4%.

90.3% responden bersetuju bahawa penyeliaan dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Ini bersesuaian dengan pendapat Mc Kean dan Mills (1964) yang menjelaskan bahawa tugas penyeliaan ialah untuk mengajar guru atau membimbing guru cara mengajar yang berkaitan dengan kurikulum dan bentuknya bagi meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Dapatan kajian ini juga bersesuaian dengan pendapat Robiah (1984) yang mengatakan bahawa penyeliaan dapat membantu guru meningkatkan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Ini disokong lagi dengan pendapat Ibrahim Mamat (1993) yang menyatakan bahawa penyeliaan bermakna memberi pimpinan kepada para guru untuk berkembang, meningkat dan mencapai kesempurnaan dalam tugas mereka.

Hanya 74% responden bersetuju bahawa dapatan penyeliaan yang baik dimaklumkan kepada guru-guru yang lain. Ini bermakna guru-guru tidak atau kurang sanggup berkongsi hasil atau dapatan-dapatan dan komen-komen yang membina daripada penyelia dan rakan-rakan mereka. Dapatan ini menyangkal dapatan oleh Asnah (1995) yang menjelaskan bahawa penyeliaan pengajaran adalah merupakan satu proses memerhatikan, membimbing dan memberi maklumbalas kepada aktiviti profesional oleh penyelia terhadap organisasi yang diselianya untuk memastikan keberkesanan perkhidmatan yang tinggi kualitinya.

Hasil kajian mendapati bahawa amalan penyeliaan pengajaran kurang berkesan dalam memperkukuh hubungan profesional antara penyelia dan guru. Ini dapat dibuktikan di mana min skor keseluruhan secara puratanya adalah 3.78 hasil dari 5 item yang telah dikaji.

Kajian mendapati bahawa 71.3% responden bersetuju bahawa proses penyeliaan membataskan hubungan guru dengan penyelia. Walau bagaimanapun 84.4% responden bersetuju bahawa penyeliaan membolehkan guru membina hubungan dengan penyelia. Ini menunjukkan penyeliaan adalah berkesan dalam memperkukuh hubungan profesional antara penyelia dan guru walaupun proses penyeliaan membataskan hubungan mereka.. Dapatan ini disokong oleh kenyataan Algeswary (1980) yang menyatakan bahawa dengan adanya hubungan yang baik antara penyelia dan guru dalam penyeliaan pengajaran, implikasi yang sihat terhadap proses pendidikan keseluruhannya akan terbentuk dalam usaha meningkatkan perkembangan profesionalisme dan menggalakkan pertumbuhan diri dalam kalangan guru.

Kajian juga mendapati 86% responden yang pernah diselia bersetuju bahawa penyelia bersikap mesra dengan guru semasa penyeliaan. Ini mungkin menyebabkan 80% responden bersetuju perbincangan yang dijalankan dalam proses penyeliaan memberikan keselesaan kepada guru. 80.1% responden juga bersetuju penyelia membimbing pengajaran mereka.

Kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa penyeliaan berkesan dalam membantu guru dan penyelia berkongsi pengetahuan dan pengalaman. Min skor keseluruhannya daripada 5 item yang dikemukakan adalah 3.96.

Kajian ini mendapati bahawa skop penyeliaan telah dibincang bersama antara penyelia dengan guru sebelum penyeliaan. Pernyataan ini telah dipersetujui oleh 71% responden. 90% responden pula bersetuju bahawa penyelia bersedia menerima pandangan daripada guru semasa sesi perbincangan dan 93.2% daripada mereka pula bersetuju bahawa penyelia memberi cadangan penambahbaikan kepada guru. Ini menyebabkan idea, pengalaman dan pengetahuan yang ada pada guru dapat disampaikan kepada penyelia. Min skor untuk aspek ini adalah 4.15. Ini juga mungkin boleh menyebabkan penyeliaan menjadikan guru dapat meneroka kaedah baru pengajaran yang mana dipersetujui oleh 87.8% daripada responden.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan amalan penyeliaan berkesan membantu guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Min skor keseluruhan bagi aspek ini adalah 4.01. 6 item telah dikemukakan dalam kajian ini.



Hasil kajian mendapati bahawa 81.6% responden bersetuju penyeliaan dapat membantu guru memenuhi keperluan sesuatu topik pengajaran. 86.3% responden pula bersetuju penyelia memberikan input terkini berkaitan pengajaran dan 77.9% bersetuju penyelia mencadangkan kursus-kursus yang berkaitan dengan kaedah pengajaran terkini.

Dapatan ini disokong oleh Cawelti (1982) dalam Mohd Hamsam yang menyatakan bahawa aspek yang perlu dilakukan oleh penyelia bagi membantu guru-guru dalam mempertingkatkan proses pengajaran adalah melalui perkembangan staf dan perkembangan kurikulum. Diharapkan bahawa penyelia terutamanya pihak pengetua dan guru besar lebih prihatin dengan perkembangan dunia pendidikan dengan memberikan lebih banyak pengetahuan dan pengalaman kepada guru-guru dan usaha ini harus dikekalkan.

## Rujukan

- Aminuddin Adam (2005). *Penyeliaan dan Penilaian*. Kertas kerja yang dibentang dalam Seminar Kepimpinan Instruksional Untuk Pengetua/Guru Besar
- Asnah Abdul Hamid (1995). Penyeliaan Dalam Pengurusan Organisasi Pendidikan: Satu Pendekatan Kaunseling. *Jurnal Pendidikan* (Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia) 4(2)
- Blase, J., and Blase, J. (1999). Principals' Instructional Leadership And Teacher Development: Teachers' Perspectives. *Educational Administration Quarterly*, 35(3), 349-378.
- Boardman, W., Charles, Dougless R. Harl dan Bent K. Rudyard. (1953). *Democratic Supervision In Secondary School*. Massachusetts: Houghton Mifflin Company.
- Cogan, M. J. (1973). *Clinical Supervision*. Boston: Houghton Mifflin.
- Duke, D. L. (1993). *Educational Leadership*. London: Paul Chapman Fullan, M., & Hargreaves, A. (1996). *What's Worth Fighting for in Your School*. New York: Teachers College Press.
- Glickman, C., Gordon, S., & Ross-Gordon, . (2003). *Supervision and Instructional Leadership (6th ed.)*. Boston: Allyn & Bacon.
- Glickman, C. D. (1989). *Supervision of Instruction: A Developmental Approach*. Georgia: Allyn and Bacon Inc.
- Goldhammer, R. (1980). *Clinical Supervision: Special Methods for The Supervision of Teachers. (2nd ed.)*. New York: Random House.
- Hamsah Abd Latif (2002). *Keberkesanan Pelaksanaan Sistem Penyeliaan Pengajaran Terhadap Guru-Guru Kemahiran Hidup Bersepadu Di Daerah Kluang, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Pendidikan
- Ibrahim Mamat (1993). *Kepimpinan Sekolah*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Ismail Abu Talib (1986). *Penyeliaan Sekolah – Satu Harapan*. Kertas kerja dibentang dalam Seminar Peningkatan Profesionalisme Pengetua-Pengetua Sekolah Menengah Melaka, Melaka.
- Lipsky, M. (1980). *Street Level Bureaucracy*. New York: Russel Sage Foundation. Mohd Ruzi Muhammad Shafie (2001). *Persepsi Guru Terhadap Pencerapan Pengajaran di Lima Buah Sekolah Daerah Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Nazaruddin Hj. Mohd. Jali et. al. (1992). *Penyeliaan Pendidikan: Kepimpinan Instruksi Guru Besar dan Pengetua*. *Jurnal Pendidikan*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Rahimah Hj Anuar (1986). *Penyeliaan Klinikal : Satu Pendekatan Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran di Sekolah*. *Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia*, 32, 24-32

- Saedah Siraj (2001). *Perkembangan Kurikulum: Teori dan Amalan*. Selangor: Alam Pintar Enterprise.
- Sergiovanni, T. J., and Starrat, R. J. (1998). *Supervision: A Re-definition* (6th ed.). New York: McGraw Hill.
- Sergiovanni, T. J. (1995). *The Principalship: A Reflectives*. Boston: Allyn and Bacon.
- Wan Mohd Zahid Wan Mohd Nordin, (1987). *Ke Arah Pengurusan dan Penyeliaan bilik Darjah*. Kertas kerja dibentang dalam Persidangan Pegawai-Pegawai Pendidikan Daerah Kali ke 5 di Kota Bahru, Kelantan.